



YB. SOON LIP CHEE

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri Pulau Pinang
Belia Dan Sukan

**KENYATAAN MEDIA YB SOON LIP CHEE
EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG
PADA 3 MAC 2021**

**SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI NEGERI PULAU PINANG MULAI 5 MAC 2021**

Menteri Kanan Pertahanan pada 2 Mac 2021 telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang dijadualkan berakhir pada 4 Mac 2021 tidak akan dilanjutkan di negeri Pulau Pinang, namun ia akan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang akan berkuatkuasa mulai 5 Mac 2021 sehingga 18 Mac 2021.

Susulan pengumuman penamatan PKP dan pelaksanaan PKPB di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memutuskan bahawa pelaksanaan aktiviti sukan dan rekreasi dalam tempoh PKPB adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

SOP sektor sukan dan rekreasi dalam tempoh PKPB di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Aktiviti sukan dan rekreasi yang dibenarkan di negeri Pulau Pinang dalam tempoh PKPB:

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi individu dan berpasukan adalah dibenarkan bagi tujuan kesihatan, kecergasan, latihan, permainan/ perlawanan dan penganjuran kejohanan / pertandingan TANPA kehadiran penonton/ penyokong dengan mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi.
2. **Aktiviti sukan badminton, ping-pong dan tenis adalah dibenarkan untuk dilaksanakan secara acara beregu dalam tempoh PKPB mulai 5 Mac 2021.**
3. Bagi operasi fasiliti/ premis tertutup (indoor) dan separa tertutup hendaklah mempunyai kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi.
4. Penganjuran kejohanan / pertandingan tempatan dan antarabangsa adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Belia dan Sukan mengikut model Gelembung Sukan (Sports Bubble) yang ditetapkan. Penganjuran dibenarkan secara kuarantin (Quarantine Based) dan tanpa kehadiran penonton. Kebenaran kemasukan peserta / pegawai luar negara ke Malaysia tertakluk kepada Jabatan Imigresen Malaysia dengan surat sokongan Kementerian Belia dan Sukan.

5. Ujian RT-PCR / RTK-Antigen perlu dilakukan kepada semua peserta / pemain / pegawai / teknikal yang terlibat dalam penganjuran kejohanan tempatan dan antarabangsa tiga hari sebelum tarikh pertandingan seperti yang termaktub dalam SOP Sektor Sukan dan Rekreasi. Hanya peserta / pemain / pegawai / teknikal dengan keputusan negatif sahaja dibenarkan menyertai kejohanan.

Aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak dibenarkan di negeri Pulau Pinang dalam tempoh PKPB:

1. Aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan dengan kehadiran penonton / penyokong.
2. Aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan tanpa kebenaran Kementerian Belia dan Sukan.
3. Pengoperasian premis / fasiliti sukan tanpa kawalan penyeliaan.
4. Aktiviti Massa yang melibatkan penyertaan orang ramai pada satu-satu masa seperti Fun Run, Fun Ride, Marathon dan Triathlon.

Waktu yang dibenarkan bagi melakukan aktiviti dan rekreasi di bawah PKPB adalah daripada jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam atau tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.

Bagi pembukaan fasiliti dan premis sukan pula, semua operasi premis dan fasiliti sukan adalah dibenarkan beroperasi di bawah PKPB. Kapasiti penggunaan adalah tertakluk kepada pematuhan penjarakan sosial 1 hingga 3 meter. Operasi premis dan fasiliti adalah secara penjadualan, tempahan, kawalan penyeliaan sepanjang tempoh operasi serta mematuhi waktu operasi yang ditetapkan. Fasiliti sukan dibenarkan beroperasi bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam atau tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.

Permohonan bagi kebenaran menganjurkan kejohanan dan pertandingan sukan termasuklah pelesenan (syarikat atau mana-mana yang berkaitan) boleh dibuat secara dalam talian di pautan <https://erosa.kbs.gov.my> bagi kedua-dua peringkat tempatan dan antarabangsa.

Selaras dengan pengumuman tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyeru rakyat negeri Pulau Pinang untuk terus mematuhi SOP dan Protokol Am Individu, Pengurusan dan Penganjuran yang telah ditetapkan oleh KBS dan MKN bagi memastikan keselamatan terjamin ketika bersukan.

SOON LIP CHEE

EXCO BELIA DAN SUKAN NEGERI PULAU PINANG